

24 SEP 1998
Annuar-Buku
KEMPEN DERMA BUKU DILANJUTKAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melanjutkan tempoh kempen derma buku sehingga hujung bulan depan bagi mencapai sasaran kutipan satu juta buku.

Menterinya Datuk Annuar Musa berkata publisiti mengenai kempen itu yang dijadualkan berakhir bulan ini, akan ditingkatkan memandangkan sambutannya tidak begitu memuaskan kerana kurangnya publisiti terutama menerusi media.

"Sambutan tidak begitu memuaskan dan belum mencapai sasaran dalam tempoh dua bulan kempen dan antara sebab kelembapan ialah kurangnya publisiti media," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan 3,000 buku bernilai RM10,000 daripada Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya di sini hari ini.

Kempen Derma Buku itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Ogos lepas bertujuan mengumpul sejuta buku untuk diagihkan kepada pusat bacaan di kawasan luar bandar termasuk rumah panjang, estet, rumah orang tua dan pusat pemulihan dadah.

Annuar berkata, individu dan syarikat korporat akan tampil memberi sumbangan buku sekiranya ada publisiti berterusan daripada media.

Katanya, kementerian berharap 1,000 pusat bacaan di luar bandar iaitu tambahan kepada 200 perpustakaan desa yang ada sekarang dapat digunakan menjelang akhir tahun ini dan matlamat itu dapat dicapai sekiranya Kempen Derma Buku menepati sasaran kutipannya.

Annuar juga menggesa syarikat dan agensi penerbitan kerajaan yang mempunyai stok buku yang tidak terjual agar dapat menyumbangkannya kepada kempen itu.

Beliau berharap kempen itu juga dipertingkatkan di negeri-negeri memandangkan ada negeri yang langsung tidak menjalankan kempen itu.

Jumlah kutipan sumbangan buku di negeri-negeri sehingga kini hanya sebanyak 162,252 buku atau 10.9 peratus sahaja.

-- BERNAMA
RZS RHM